

ACCCIM 29 ikrar sokong kerajaan BN

JM 25 NOV 1999

KUALA LUMPUR, 24 Nov.

— Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) hari ini menyatakan ikrar memberikan sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum kali ini.

Presidennya, Datuk Lim Guan Teik berkata, gabungan itu yang mempunyai lebih 24,000 ahli di seluruh negara memberikan sokongan berkenaan berdasarkan prestasi cemerlang BN yang memerintah sejak merdeka dan berjaya mengekalkan keharmonian kaum.

Katanya, keupayaan kerajaan menangani kegawatan ekonomi sejak dua tahun lalu mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat perniagaan Cina di Malaysia untuk terus berdiri teguh di belakang kepimpinan BN yang diterajui oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Masyarakat berbilang kaum di negara ini harus berfikir dengan matang dan membuat keputusan yang bijak bagi memastikan negara terus membangun dengan kukuh, damai dan maju memasuki alaf baru,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah para pemimpin kanan ACCCIM.

Lim menarik perhatian, bukan mudah bagi kerajaan

BN akan memastikan politik negara terus stabil dan membawa negara memasuki alaf baru di atas asas yang kukuh.

Lim turut menolak dakwaan bahawa sokongan ACCCIM terhadap BN hanya semata-mata untuk melindungi kepentingan perniagaan masyarakat Cina.

Tegasnya, walaupun gabungan itu mewakili masyarakat perniagaan Cina, namun, beliau yakin seluruh rakyat dan negara akan mendapat faedah sama ada secara langsung atau tidak daripada aktiviti perniagaan.

Ditanya pendirian ACCCIM mengenai hasrat Pas untuk melaksanakan hukum hudud jika menang dalam pilihan raya umum kali ini, beliau berkata:

an untuk memuaskan kehendak semua kaum di negara berbilang kaum seperti Malaysia tetapi kerajaan BN telah berjaya membuktikannya dan dikagumi oleh masyarakat antarabangsa.

Sebagai contoh, katanya, rayuan masyarakat Cina untuk layanan yang lebih adil, peluang perniagaan dan pendidikan yang lebih saksama masih belum dapat ditunaikan sepenuhnya.

“Namun persefahaman masyarakat Cina dan semangat bertimbang rasa dalam perkara ini telah menyumbang kepada perpaduan dan keharmonian serta kesejahteraan kaum.

“ACCCIM sedar bahawa kerajaan BN bersedia mendengar nasihat dan melaksanakan pandangan munasabah yang dikemukakan,” ujarnya.

Sehubungan itu, Lim berkata, ACCCIM menyeru masyarakat Cina menyokong BN dalam pilihan raya umum kali ini bagi menunjukkan sokongan kepada pemerintahan bersifat terbuka yang diterajui Dr. Mahathir dan dasar pemerintahan BN yang bertanggungjawab.

Menurutnya, sokongan masyarakat Cina kepada

“Mereka (Pas) terlalu yakin akan menang. Tetapi hakikatnya, ia sukar dilaksanakan.”

Mengenai Rayuan 17 Perkara yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina kepada kerajaan, Lim berkata, perkara itu perlu diputuskan oleh pertubuhan-pertubuhan terbabit.

Dalam Rayuan 17 Perkara yang dikemukakan oleh 11 persatuan Cina pada dua bulan lalu, mereka menuntut kerajaan menghapuskan dasar ekonomi baru dan memberi hak sama rata kepada semua kaum tanpa memberi keistimewaan kepada kaum bumiputera dan orang Melayu.

Sementara itu, Persatuan Telugu Malaysia yang dianggotai oleh 300,000 anggota turut menyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir dan berikrar menyahut seruan beliau untuk menyeru para pengundi senyap.

Presidennya, Paul Naidu berkata, pihaknya akan menyediakan lebih kurang 300 buah kereta di beberapa kawasan di seluruh Semenanjung untuk membawa pengundi keluar mengundi pada 29 November ini.